

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Tuesday, July 31, 2018 9:17 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 20 Sekolah Menengah Daerah Kubang Pasu Berkampung Di UUM



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

31 JULAI 2018, SELASA | 18 ZULKAEDAH 1439H



HEP: 20 sekolah menengah dari Daerah Kubang Pasu telah mengikuti program Perkampungan Seni anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama Pusat Budaya Dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 29 hingga 30 Julai baru-baru ini.

Program ini menjadi acara tahunan PBS yang bertujuan untuk membentuk jati diri dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan daya kreativiti dan motivasi.

Seramai 80 pelajar yang terdiri dari Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) menyertai program tersebut. Konsep asas yang digunakan ialah menggalakkan pelajar memainkan peranan sebagai pembantu kepada rakan sebaya mereka dalam aspek tertentu dan mereka ini sebenarnya pembimbing rakan sebaya.

Program yang berlangsung selama dua hari itu sarat dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam membimbing pelajar ini menjadi *role model* yang berkesan.

Berasaskan kepada andaian bahawa remaja mempunyai pengaruh yang kuat terhadap rakan sebaya sama ada dari segi positif atau negatif, maka pihak penganjur berpendapat bahawa remaja berupaya mempengaruhi rakan secara positif jika mereka dilatih dengan teknik-teknik bersahabat dan berkomunikasi dengan berkesan, di samping mereka menjadi contoh teladan yang baik.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain, program seperti ini akan menjadi perangsang kepada pelajar-pelajar untuk terus cemerlang dalam bidang akademik di samping menjadi tauladan kepada pelajar lain apabila pulang ke sekolah masing-masing.

"Selain itu, program kesenian juga dititik beratkan dalam modul latihan pelajar ini agar mereka menjadi manusia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

"Program tahunan ini merupakan salah satu inisiatif PBS dalam membantu masyarakat sekeliling dengan fokus utama untuk meningkatkan taraf pendidikan anak-anak di kawasan ini.

"Selain itu, program ini juga bertujuan memberi input tambahan mengenai pembelajaran selain melengkapkan diri mereka dengan keyakinan dan motivasi lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kubang Pasu, Tuan Haji Wan Khalim Ahmad berkata, yang membezakan program PRS dengan program lain yang menggunakan pengaruh rakan sebaya ialah, PRS dilatih mengikut modul latihan yang terancang dalam bidang asas komunikasi dan kaunseling.

"Tujuannya bukan menjadikan mereka sebagai kaunselor tetapi membekalkan mereka dengan kemahiran penting dalam perhubungan manusia. Guru kaunseling diberi tugas melatih mereka dengan lengkap sebelum mereka diiktiraf sebagai PRS.

"PRS dilatih mengalami proses memahami, memotivasi dan menghormati diri sebelum mereka dapat membantu dan membimbing rakan-rakan mereka, nilai-nilai murni seperti toleransi, hormat, menyimpan rahsia, bersikap positif dan sentiasa memajukan diri menjadi prinsip program ini," katanya.

"Dalam bidang akademik, PRS dimestikan meningkatkan prestasi atau sekurang-kurangnya mengekalkan prestasi akademik mereka. Melalui pencapaian akademik yang baik mereka berupaya membantu rakan bukan saja dalam mengatasi masalah emosi bahkan juga membantu diri segi akademik, jika diperlukan," jelasnya lagi.

"Dari segi psikologi, peringkat remaja merupakan peringkat yang paling berpengaruh dalam kehidupan mereka. Mereka lebih rela menceritakan dan mencurahkan perasaan kepada rakan-rakan mereka berbanding ibu bapa, guru atau orang dewasa lain. Pada peringkat inilah pengaruh rakan sebaya paling kuat dan paling diterima. Oleh itu pendekatan yang logikal ialah menggunakan remaja ini untuk mempengaruhi remaja lain," katanya ketika merasmikan Majlis Penutup Perkampungan Seni 2018.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.